



# » BANK SOALAN



# **UASA**

# SEJARAH

Tingkatan

**1**

KSSM

## Bahagian A

### Bab 1 Mengenali Sejarah

1. Apakah pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan berikut?



- |                         |                                |
|-------------------------|--------------------------------|
| I Peradaban dunia       | III Pengkajian rekod masa lalu |
| II Perubahan masyarakat | IV Persoalan tentang kehidupan |
| <b>A</b> I dan II       | <b>C</b> II dan III            |
| <b>B</b> I dan IV       | <b>D</b> III dan IV            |

2. Apakah yang dimaksudkan dengan alaf?

- |                                |                                 |
|--------------------------------|---------------------------------|
| <b>A</b> Zaman kegelapan       | <b>C</b> Tempoh masa 100 tahun  |
| <b>B</b> Jangka waktu 10 tahun | <b>D</b> Jangka masa 1000 tahun |

3. Gambar berikut menunjukkan sumber sejarah.



Apakah ciri-ciri sumber sejarah tersebut?

- |                         |                     |
|-------------------------|---------------------|
| I Bersifat asli         |                     |
| II Sumber primer        |                     |
| III Sumber sekunder     |                     |
| IV Tersebar kepada umum |                     |
| <b>A</b> I dan II       | <b>C</b> II dan III |
| <b>B</b> I dan IV       | <b>D</b> III dan IV |

4. Maklumat berikut berkaitan dengan penyelidikan dalam sejarah.

Kajian	Kaedah kajian
Perjanjian Pangkor	X

Apakah kaedah X?

- |                    |                    |
|--------------------|--------------------|
| <b>A</b> Lisan     | <b>C</b> Bertulis  |
| <b>B</b> Saintifik | <b>D</b> Arkeologi |

5. Apakah kepentingan tafsiran dalam sejarah?

- |  |   |
|--|---|
| <b>A</b> Mendorong kita berfikiran terbuka | <b>C</b> Mengukuhkan persamaan ideologi |
| <b>B</b> Mengelakkan perbezaan pendapat    | <b>D</b> Menggunakan sumber yang terhad |



## Bab 2 Zaman Air Batu

6. Apakah hidupan Zaman Jurasic yang berlaku pada 195 juta tahun dahulu?

- A** Mamot
- B** Kucing
- C** Dipterus
- D** Dinosaurus


7. Senarai berikut merujuk kepada tahap Zaman Air Batu.

- Berlaku antara 2.5 juta – 10,000 tahun dahulu.
- Glasier utama berlaku sebanyak 11 kali.

Apakah tahap zaman tersebut?

- A** Miosen
- B** Pliosen
- C** Holosen
- D** Pleistosen

8. Gambar berikut menunjukkan hidupan Zaman Air Batu.



Apakah nama hidupan tersebut?

- A** Dipterus
- B** Trilobite
- C** Diatryma
- D** Stegosaurus

9. Apakah ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir?

- I Paras air laut rendah
  - II Suhu dunia terlalu sejuk
  - III Sinaran matahari sangat terik
  - IV Wujud kawasan laut yang luas
- |          |          |          |            |
|----------|----------|----------|------------|
| <b>A</b> | I dan II | <b>C</b> | II dan IV  |
| <b>B</b> | I dan IV | <b>D</b> | III dan IV |

10. Apakah kesan perubahan iklim kepada kehidupan manusia?

- I Kekal menetap
  - II Tinggal di tanah tinggi
  - III Berhijrah ke tempat baharu
  - IV Menyesuaikan dengan aktiviti harian
- |          |          |          |            |
|----------|----------|----------|------------|
| <b>A</b> | I dan II | <b>C</b> | II dan III |
| <b>B</b> | I dan IV | <b>D</b> | III dan IV |

Bab 3 | Zaman Prasejarah

11. Zaman Batu Pertengahan merujuk kepada

  - A Zaman Logam
  - B Zaman Neolitik
  - C Zaman Paleolitik
  - D Zaman Mesolitik

- 12.** Pilih pasangan yang **betul**.

Zaman Prasejarah	Tempoh masa
Logam	2.5 – 8,000 SM
Mesolitik	12,000 – 4,000 SM
Paleolitik	10,000 – 2,000 SM
Neolitik	3,500 SM – 500 M

- 13.** Gambar berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di Britain.



Apakah lokasi Zaman Prasejarah tersebut?

- 14.** Apakah kegiatan ekonomi manusia Zaman Logam?  
I Pertanian  
II Pernakan  
III Pelancongan  
IV Perlombongan

**A** I dan II                           **C** II dan III  
**B** I dan IV                           **D** III dan IV

- 15.** Gambar berikut menunjukkan kubur kepingan batu.



Di manakah lokasi penemuan tersebut?

- A** Gua Niah, Sarawak      **C** Kuala Selinsing, Perak  
**B** Pantai Timur, Sabah      **D** Lembah Bernam, Selangor



## Bab 4 Mengenali Tamadun

16. Jadual berikut menunjukkan perkataan tamadun dalam beberapa bahasa.

Perkataan	Bahasa
Civitas	X
Hadharah	Arab

Apakah X?

- |          |            |
|----------|------------|
| A Arab   | C Yunani   |
| B Melayu | D Inggeris |

17. Gambar berikut menunjukkan tokoh Barat, Arnold J.Toynbee.




Apakah konsep tamadun mengikut pandangan tokoh tersebut?

- |                        |                           |
|------------------------|---------------------------|
| A Pembangunan lahiriah | C Kebudayaan yang luhur   |
| B Kehalusan tatasusila | D Pembentukan kepercayaan |

18. Apakah ciri-ciri tamadun awal dunia?

- |                      |                            |
|----------------------|----------------------------|
| I Peluasan kuasa     | III Sistem pemerintahan    |
| II Organisasi sosial | IV Pembentukan nilai murni |
| A I dan II           | C II dan III               |
| B I dan IV           | D III dan IV               |

19. Gambar berikut menunjukkan bandar dalam tamadun awal dunia.



Apakah keistimewaan bandar tersebut?

- |                                  |                                       |
|----------------------------------|---------------------------------------|
| A Dikelilingi kawasan pertanian  | C Terdapat sekolah dan universiti     |
| B Pelan susun atur yang tersusun | D Dilengkapi bekalan air dan elektrik |

20. Berdasarkan organisasi sosial masyarakat Mesir Purba, golongan yang manakah berada dalam kelas kedua?

- |            |              |
|------------|--------------|
| I Petani   | III Artisan  |
| II Hamba   | IV Saudagar  |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

## Bab 5 Tamadun Awal Dunia

21. Pilih pasangan yang **betul**.

	Tamadun	Lokasi
A	Indus	Sungai Nil
B	Huang He	Sungai Kuning
C	Mesopotamia	Sungai Harappa
D	Mesir Purba	Sungai Euphrates

22. Siapakah Raja yang terkenal semasa zaman Kerajaan Baharu Mesir?

- A Ramses
- B Hatshepsut
- C Hammurabi
- D Raja Mennes

23. Apakah ciri-ciri bandar Harappa?

- I Terdapat pelabuhan
  - II Dipenuhi rumah ibadat
  - III Dikelilingi dinding bata
  - IV Terdapat benteng di dalam kota
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

24. Gambar berikut menunjukkan penciptaan teknologi pembajakan.



Apakah tamadun yang boleh dikaitkan dengan kemajuan tersebut?

- A Indus
- B Huang He
- C Mesir Purba
- D Mesopotamia

25. Apakah hasil kesenian masyarakat tamadun Huang He?

- A Tembikar
- B Patung batu
- C Ukiran gelas
- D Lukisan dinding




## Bab 6 Peningkatan Tamadun Yunani dan Rom

- 26.** Apakah fungsi Agora dalam tamadun Yunani?
- A** Ibu kota
  - B** Pelabuhan
  - C** Pasar awam
  - D** Kawasan pertanian
- 27.** Apakah yang ditekankan oleh Pericles untuk memantapkan sistem demokrasi dalam tamadun Yunani?
- A** Kuasa rakyat
  - B** Peluasan kuasa
  - C** Hak mutlak raja
  - D** Disiplin ketenteraan
- 28.** Jadual berikut menunjukkan zaman perkembangan tamadun Rom.

Zaman	Tempoh
X	27 SM – 476 M

Apakah Zaman X?

- A** Zaman Gelap
  - B** Zaman Beraja
  - C** Zaman Republik
  - D** Zaman Empayar
- 29.** Apakah sumbangan Marco Vitruvius kepada kerajaan Rom?
- A** Membina tembok pertahanan
  - B** Mengarang buku *On Architecture*
  - C** Memulakan pembinaan Colosseum
  - D** Membaik pulih kerosakan Akueduk
- 30.** Gambar berikut menunjukkan seni bina akueduk.



Tokoh yang manakah bertanggungjawab membina binaan tersebut?

- A** Raja Vespian
- B** Marcus Agrippa
- C** Maharaja Hadrian
- D** Maharaja Caracalla

## Bab 7 Peningkatan Tamadun India dan Rom

31. Apakah kerajaan yang menjadi kuasa yang kuat antara tahun 540 – 490 SM di India?

- A Nanda
- B Gupta
- C Maurya
- D Magadha

32. Apakah peristiwa yang mengubah dasar pemerintahan Asoka?

- A Perang Kalinga
- B Penyatuan India
- C Hubungan dengan China
- D Pengembangan agama Buddha

33. Gambar berikut menunjukkan Chandragupta Maurya.



Apakah sumbangan tokoh tersebut terhadap tamadun India?

- A Membina bandar terancang
- B Membentuk empayar yang luas
- C Memajukan ekonomi dan sosial
- D Mengembangkan agama Buddha

34. Apakah sumbangan Cai Lun kepada tamadun China?

- A Membuat kertas
- B Menyatukan China
- C Menggubal undang-undang
- D Memperkenalkan sistem peperiksaan

35. Apakah matlamat sistem pendidikan dalam tamadun China?

- I Mengatasi buta huruf
  - II Memilih pegawai kerajaan
  - III Memupuk nilai moral dan etika
  - IV Melahirkan warganegara patriotik
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



## Bab 8 Tamadun Islam dan Sumbangannya

- 36.** Mengapa semangat assabiyah memberi kesan buruk jika diamalkan oleh masyarakat masa kini?
- A** Menindas golongan miskin
  - B** Menjejaskan ekonomi negara
  - C** Memupuk semangat perkauman
  - D** Menghapuskan tali persaudaraan
- 37.** Apakah wahyu pertama yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW?
- A** Surah Iqra'
  - B** Surah al-Alaq
  - C** Surah Yassin
  - D** Surah al-Mudassir
- 38.** Apakah sumbangan tamadun Islam dalam bidang sosial?
- I Meluaskan empayar Islam
  - II Mengangkat kedudukan wanita
  - III Memajukan penyelidikan saintifik
  - IV Memperkenalkan sistem demokrasi
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV
- 39.** Antara berikut, yang manakah merupakan tokoh perubatan Islam?
- A** Ibn Sina
  - B** Al- Biruni
  - C** Al-Battani
  - D** Ibn Battuta
- 40.** Gambar berikut menunjukkan mihrab di dalam masjid.




Apakah fungsi mihrab?

- A** Melaungkan azan
- B** Pintu masuk utama
- C** Penanda arah kiblat
- D** Tempat imam berkhotbah

## Bahagian B

### Bab 2 Zaman Air Batu

1. Ilustrasi berikut menunjukkan Zaman Air Batu Akhir.



- (a) Jelaskan ciri fizikal bumi pada Zaman Air Batu Akhir.

---

---

[2 markah]

- (b) Apakah binatang dan tumbuhan yang hidup pada Zaman Air Batu Akhir?

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah pengajaran daripada pengetahuan tentang Zaman Air Batu?

---

---

---

---

[4 markah]

**Bab 3 Zaman Prasejarah**

2. Ilustrasi berikut menunjukkan manusia Zaman Paleolitik.



- (a) Jelaskan tempat kediaman manusia Zaman Paleolitik.

---

---

---

[3 markah]

- (b) Bagaimakah manusia Zaman Paleolitik mencari makanan?

---

---

---

[3 markah]

- (c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh manusia Zaman Prasejarah?

---

---

---

---

[4 markah]

## Bab 4 Mengenali Tamadun

3. Petikan berikut berkaitan dengan tamadun.

Tamadun merupakan kemajuan kebendaan sesebuah masyarakat. Dari perspektif semasa pula, perkataan tamadun selalunya merujuk kepada pencapaian yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi.

Sumber: [http://muhamatar.tripod.com/TAKRIF\\_TAMADUN.htm](http://muhamatar.tripod.com/TAKRIF_TAMADUN.htm)

- (a) Jelaskan maksud tamadun dalam bahasa Inggeris.

---

---

---

[2 markah]

- (b) Senaraikan **empat** ciri-ciri tamadun awal dunia.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (c) Cadangkan langkah mengelakkan diri kita daripada menjadi masyarakat tidak bertamadun.

---

---

---


---

[4 markah]



## Bab 5 Tamadun Awal Dunia

4. Peta berikut menunjukkan lokasi tamadun awal dunia.



- (a) Nyatakan tamadun awal berdasarkan abjad berikut.

- (i) A \_\_\_\_\_
- (ii) B \_\_\_\_\_
- (iii) C \_\_\_\_\_
- (iv) D \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (b) Senaraikan **tiga** faktor pembentukan tamadun awal di lembah sungai.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_

[3 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimakah kita dapat meneruskan kegemilangan sesebuah tamadun?

---



---



---

[3 markah]

## Bab 8 Tamadun Islam dan Sumbangannya

5. Petikan berikut tentang ketokohan Nabi Muhammad SAW.

Nabi Muhammad SAW merupakan seorang pemimpin agung umat Islam yang tiada bandingannya. Baginda memiliki ciri-ciri kepimpinan dalam semua aspek yang diperlukan, ditambah lagi dengan keperibadiannya yang dihiasi akhlak yang mulia dan terpuji.

Sumber: <https://melakakini.my/rasulullah-saw-utusan-teragung-yang-perlu-dicontohi/>

- (a) Senaraikan ketokohan Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin.

- (i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_  
(iii) \_\_\_\_\_  
(iv) \_\_\_\_\_

[4 markah]

- (b) Buktikan ketokohan Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin tentera.

---

---

---

[3 markah]

- (c) Apakah ciri-ciri kepimpinan Nabi Muhammad SAW yang wajar dicontohi oleh pemimpin masa kini?

- (i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_  
(iii) \_\_\_\_\_

[3 markah]



## Bahagian C

### Bab 1 Mengenali Sejarah

1. (a) Jelaskan tentang sumber berikut:
- (i) Sumber primer [3 markah]
  - (ii) Sumber sekunder [3 markah]
- (b) Maklumat berikut menunjukkan petikan ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia.

**Fahami sejarah negara, jangan ulangi kesilapan lampau – Tun Dr. Mahathir Mohamad**

PUTRAJAYA: Fahami sejarah supaya kesilapan lampau tidak diulangi dalam memastikan keamanan negara terus terpelihara, yang membolehkan kemajuan dikecapi dankekayaan negara diagihkan secara adil dan saksama, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, jika tiga kaum utama di Malaysia bersama kaum-kaum di Sabah dan Sarawak dapat bertaut untuk bekerja, tinggal dan bermain bersama, negara akan lebih maju. “Selagi kita ingat sejarah kita dan liku-liku yang dijalani negara kita, maka negara kita akan terus aman.”


Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/519628>

Jelaskan kepentingan mempelajari sejarah. [8 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika subjek sejarah dipinggirkan dalam sistem pendidikan di negara kita? [6 markah]

### Bab 3 Zaman Prasejarah

2. (a) Jelaskan kehidupan manusia Zaman Logam berdasarkan ciri-ciri berikut:
- (i) Kegiatan ekonomi [3 markah]
  - (ii) Organisasi sosial [3 markah]
- (b) Berdasarkan gambar berikut, bandingkan peralatan manusia Zaman Prasejarah dengan masa kini.




[8 markah]

- (c) Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada Zaman Sejarah. [6 markah]

## Bab 5 Tamadun Awal Dunia

3. (a) Tamadun Mesir Purba terletak di kawasan lembah Sungai Nil.  
Mengapakah Mesir dikatakan Hadiah Sungai Nil? [6 markah]
- (b) Gambar berikut menunjukkan kegiatan ekonomi dalam tamadun awal.



Terangkan kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam tamadun:

- (i) Tamadun Indus [4 markah]  
(ii) Tamadun Huang He [4 markah]
- (c) Kegiatan pertanian merupakan aktiviti utama dalam tamadun awal.  
Pada pendapat anda, apakah kepentingan sektor pertanian kepada negara? [6 markah]

## Bab 6 Peningkatan Tamadun Yunani dan Rom

4. (a) Jelaskan keanggotaan badan pentadbiran di Athens seperti berikut:  
(i) Majlis [4 markah]  
(ii) Majistret [4 markah]
- (b) Gambar berikut menunjukkan kerajaan ketenteraan di Sparta.



Di Sparta, penekanan diberikan kepada disiplin ketenteraan.

Jelaskan pernyataan tersebut. [6 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah meningkatkan kekuatan sistem ketenteraan sesebuah negara? [6 markah]



## Bab 7 Peningkatan Tamadun India dan China

5. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan peluasan kuasa dalam tamadun India.

Kemunculan pelbagai kerajaan dalam tamadun India menyebabkan wujudnya persaingan antara kerajaan untuk memperluas kuasa masing-masing. Pada permulaannya, peluasan kuasa dilakukan secara fizikal namun berubah kepada peluasan secara keagamaan demi menjamin kesejahteraan hidup manusia.

Terangkan bentuk peluasan kuasa semasa zaman:

- (i) Dinasti Nanda [3 markah]  
(ii) Dinasti Maurya [3 markah]

- (b) Bagaimakah peluasan kuasa dilakukan semasa zaman Asoka? [8 markah]

- (c) Peperangan membawa kehancuran tamadun dan penderitaan kepada manusia.  
Cadangkan langkah-langkah mengelakkan berlakunya peperangan. [6 markah]

## Bab 8 Tamadun Islam dan Sumbangannya

6. (a) Terangkan sistem politik masyarakat Arab Jahiliah berikut:

- (i) Kaum Badwi [3 markah]  
(ii) Kaum Hadhari [3 markah]

- (b) Kehidupan masyarakat Arab Jahiliah dapat dilihat dari dua sudut, iaitu agama dan kepercayaan serta adat dan kehidupan seharian.  
Jelaskan agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliah. [8 markah]

- (c) Maklumat berikut menunjukkan nilai hidup masyarakat Arab Jahiliah.

Masyarakat Arab Jahiliah hidup dalam kemaksiatan seperti berjudi, berzina, meminum arak dan bersifat angkuh.

Cadangkan langkah untuk membasmi amalan jahiliah dalam kalangan masyarakat hari ini.

[6 markah]